

KIT HARI MINGGU KATEKETIKAL

Ketahui apa itu **Hari Minggu Kateketikal**
dan bagaimana ia bermula 1

Jemputlah anak-anak berdoa untuk
Katekis mereka dengan doa yang istimewa
Aktiviti mendoakan katekis..... 2

Jemputlah anak-anak untuk
berterima kasih kepada Katekis
mereka dengan **Aktiviti Mewarna**..... 3

Jemputlah para remaja untuk menghargai
katekis mereka dengan penghargaan istimewa
Aktiviti Penghargaan untuk katekis saya..... 4

Lakukan 6 cara terbaik merayakan
Hari Minggu Kateketikal..... 5



APA ITU HARI MINGGU KATEKETIKAL ?

Hari Minggu Kateketikal bermula sebagai satu peluang bagi para Katekis, ibu bapa dan penjaga untuk memberikan semula komitmen mereka terhadap misi katekisis, dan merayakan serta memperkasakan panggilan mereka sebagai komuniti beriman.

Perayaan Hari Minggu Kateketikal merupakan sebagai satu maklumbalas kepada dokumen yang telah dikeluarkan oleh Vatikan pada tahun 1935. "Tentang Penjagaan yang lebih baik dan promosi Pendidikan Kateketikal". Dalam dokumen ini, terdapat satu panggilan untuk Gereja di seluruh dunia agar tidak hanya mengakui kepentingan pelayanannya pengajaran ini, tetapi juga memberi penghargaan kepada para katekis, yang melayani komuniti Kristian.

BILAKAH HARI MINGGU KATEKETIKAL 2021 ?

Pada tahun ini, Hari Minggu Kateketikal akan dirayakan pada 31 Januari 2021!


APAKAH TEMA PADA TAHUN INI ?

Tema pada tahun ini ialah: "Komuniti Paroki: Ejen Iman, Harapan & Kasih". Anda dijemput untuk merenung lebih mendalam lagi akan tema ini dengan membaca Pesanan Hari Minggu Kateketikal yang telah disediakan oleh Komisi Kateketikal

KIT HARI MINGGU KATEKETIKAL INI

Bahan-bahan dalam Kit Hari Minggu Kateketikal ini adalah untuk edaran dalaman dan kegunaan peribadi sahaja (bukan untuk tujuan komersial). Petikan sumbu hak pencipta lain yang terdapat dalam isi kandungan bahan-bahan kit ini telah diakui penggunaannya.





Doa untuk

(nama katekis saya)

Terima kasih atas kerja kerasmu,
atas imanmu,
dan atas pengajaranmu.

Saya bersyukur atas segala yang saya
telah pelajari darimu.

Saya berdoa agar Allah memberikan saya
rahmat, untuk menggunakan pengetahuan
saya dalam membangun Kerajaan-Nya di
bumi ini.


Dengan penghargaan
dan kasih,

(nama saya)



Kepada,

(nama katekis saya)



Terima kasih
kerana...

Menjadi Katekis
Saya!

Dengan penghargaan dan
kasih,

(nama saya)

MENGHARGAI KATEKIS SAYA PADA HARI MINGGU KATEKETIKAL

Pilih 1 (atau lebih) pilihan berikut untuk menunjukkan rasa penghargaan kepada katekis kamu !

1. Tulislah **doa** yang lahir dari hati kamu untuk katekis kamu!

2. Ingatlah **kenangan** indah kamu bersama dengan katekis kamu !

3. Tulislah pesanan kata-kata **semangat** untuk katekis kamu !

4. Adakah kamu **belajar** sesuatu yang kamu rasakan sangat penting dan istimewa daripada katekis kamu? Kongsi dengan mereka !



Dengan penghargaan dan kasih,

(nama saya)

6 CARA TERBAIK UNTUK MERAYAKAN HARI MINGGU KATEKETIKAL

Tahun ini, kita akan merayakan Hari Minggu Kateketikal pada Hari Minggu, 31 Januari 2021. Hari Minggu Kateketikal adalah hari di mana Gereja berkumpul untuk mengenali dan merayakan pemberian para katekis kita, yang secara sukarela meluangkan masa dan usaha mereka untuk mendidik anak-anak kita. Berikut ini, kamu boleh mendapatkan beberapa idea untuk merayakan Hari Minggu Kateketikal. Marilah kita mengambil peluang ini untuk menghargai para katekis kita, sekali lagi mereka mahu memberikan komitmen mereka untuk pelayanan yang mulia ini!

1. MAKAN BERSAMA

Oleh kerana pandemik Covid-19 ini merupakan realiti yang masih mengancam kita, perhimpunan dalam kumpulan secara fizikal bukanlah idea yang terbaik.

Walaupun bagaimanapun, disinilah komunikasi dalam talian membantu kita! Sebagai satu kelas katekismus, atau di kalangan katekis, berkumpul dan makan bersama melalui panggilan video secara dalam talian. Perkadangannya dengan perkongsian pengalaman-pengalaman tahun lepas yang memberangsangkan dan yang kurang memberangsangkan, ataupun pengalaman pertemuan peribadi kamu dengan Yesus. Kamu juga boleh sekadar berkongsi cerita-cerita kamu dengan tawa, gunakanlah masa ini untuk mengeratkan persahabatan kamu!




2. UNTUK KATEKIS KAMU

Adakah kamu ibu bapa kepada anak yang menghadiri kelas katekismus, atau seorang paderi di paroki kamu? Apa kata kalau kamu tunjukkan rasa penghargaan kepada para katekis dengan menulis pesanan atau surat kepada mereka? Ini bukan hanya cara untuk meneguhkan usaha mereka, tetapi juga memperkukuhkan hubungan antara sesama. Contohnya, sebagai paderi paroki, kamu boleh menulis pesanan kepada para katekis di paroki kamu untuk memberi inspirasi dan peneguhan kepada mereka dalam perjalanan iman mereka. Pesanan kamu adalah tanda penghargaan kepada mereka bagi pihak seluruh Keuskupan dan Uskup serta paderi bagi memperkasakan hubungan antara Paderi dan umat awam.



3. PERAYAAN MISA

Turut serta dalam Misa Kudus dalam talian ataupun secara fizikal (bergantung pada lokasi). Ini merupakan satu peluang yang sangat baik bagi mendoakan para katekis kita, dimana mereka memberikan komitmen akan panggilan yang mulia ini. Kamu juga boleh memakai pakaian terbaik untuk Hari Minggu, agar membiasakan diri akan kekudusan Misa!



4. SEBAGAI PAROKI

Sebagai seorang Katekis, adakah anda pernah menerima pemberian daripada anak-anak yang telah kamu bimbing, contohnya kad, gelas, atau lukisan? Apa kata anda kongsikannya dengan mengambil gambarnya dan muatnaik dalam laman web / jaringan paroki, atau kongsikannya dalam laman media sosial paroki? Ini merupakan satu cara yang sangat baik untuk merayakan Hari Minggu Kateketikal dengan memperkembangkan rasa kekitaan dalam Paroki!

5. SEBAGAI KELUARGA

Ibu bapa serta penjaga sudah pasti memegang tanggungjawab yang besar dalam memberi didikan agama kepada anak-anak, terutama sekali dalam situasi sekarang dimana pelajaran dijalankan secara dalam talian. Terutamanya sekarang, keluarga digalakkan untuk datang bersama dan mengutamakan pembangunan iman. Namun, jangan takut! Terdapat banyak perkara kecil yang kita boleh lakukan sebagai satu keluarga yang langsung tidak memerlukan banyak masa atau usaha! Contohnya, keluarga boleh bermula dengan memasukkan satu ritual singkat dalam kehidupan keluarga secara kecil-kecilan, seperti berkongsi akan apa yang mereka syukuri kepada Allah untuk hari itu. Alamilah sendiri bagaimana setiap tindakan kecil seperti ini boleh mengubah kehidupan keluarga anda dalam Kristus hari ini!



6. SEBAGAI PADERI PAROKI



Semua umat paroki, termasuk para katekis, adalah dibawah tanggungjawab/jagaan Paderi Paroki. Imej seorang Gembala Baik kerap digunakan bagi menggambarkan realiti ini. Sebagaimana seorang Gembala memastikan gembalaannya dijaga dan dipelihara, demikian juga menjadi tanggungjawab Paderi paroki untuk memastikan para katekis di paroki mereka dijaga dan didengari. Sebagai contoh, Paderi Paroki boleh mewujudkan satu kehadiran yang kuat dalam kehidupan setiap katekis di bawah jagaannya dengan menghadirkan diri dalam mesyuarat, atau melawat mereka secara individu dari masa ke semasa. Tindakan kecil seperti ini berfungsi untuk menjalinkan hubungan baik antara paderi dan umat awam. Manfaat dari sokongan rangkaian yang kuat ini tidak hanya dapat dilihat dalam kehidupan para katekis, tetapi juga pada anak-anak yang mereka bimbing.

PENGHARGAAN

Ilustrasi: elnrkendra (<https://bit.ly/2Ya56yD>)
Fon: Gafata (Lautaro Hourcade), Amatic
(Vernon Adams) & Raul-5
(<https://bit.ly/2JMGubf>)

Activiti Muka Surat 2 (Bingkai): <https://bit.ly/37M16Zh>
Activiti Muka Surat 3 (Jambangan): <https://bit.ly/36Wx59G>

Terjemahan (Iban): Frederick Empaga
Terjemahan (Mandarin): Mary Neoh Tat Hooi
Terjemahan (Tamil): Josephine Bosco
Terjemahan (Bahasa Malaysia): Sr Maria Magdalena Kopong, FSIC

Penyunting: Anonymous
Yvonne Teo Lu Ting

Disusun oleh: National Catechetical Office